A

Pendakwa Raya lwn Peter a/l Arokiam

B

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO AA-42LB-5–03 TAHUN 2018
MOHD RADZI PK
5 APRIL 2019

C

Keterangan — Anggapan bertentangan — Kegagalan memanggil saksi — Responden dilepaskan dan dibebaskan atas kesalahan memiliki dua bilah pisau menurut s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 — Sama ada kegagalan pendakwa raya memanggil saksi menggundang anggapan bertentangan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

D

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Responden dilepaskan dan dibebaskan atas kesalahan memiliki dua bilah pisau — Sama ada keterangan saksi pendakwa bercanggah — Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan — Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 s 6(1) — Kanun Tatacara Jenayah s 294

E

Responden telah dituduh di bawah s 61(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Senjata Berbahaya ('Akta tersebut') kerana memiliki senjata berbahaya iaitu dua bilah pisau. Responden pada asalnya telah dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan di akhir kes pendakwaan. Namun, setelah membenarkan rayuan pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi telah mengarahkan responden dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mahkamah sesyen telah melepas dan membebaskan responden. Pada tarikh dan waktu kejadian, responden yang dikatakan oleh pihak pendakwaan sebagai pemandu motokar Subaru WVH 82, telah terlibat dalam kemalangan jalan raya dengan terbabas di tempat kejadian yang disebutkan dalam pertuduhan. Kpl Nasir ('SP1') melihat responden dalam keadaan tercedera dan SP1 diberikan kad pengenalan responden. Setelah membuat semakan dengan pihak pendaftaran jenayah PDRM, SP1 dimaklumkan bahawa responden dikehendaki polis berkait satu laporan polis No Klang 1257/15. Pemeriksaan dibuat terhadap kenderaan dan badan responden dan dijumpai barang-barang kes iaitu dua bilah pisau. Pihak pendakwa membuat rayuan atas keputusan hakim bicara mahkamah sesyen yang melepas dan membebaskan responden atas alasan-alasan: (a) tiada keterangan yang bercanggah dan tidak konsisten daripada SP1; (b) inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai kerana saksi pendakwaan, Kpl Vijay teleh dicamkan secara

F

G

H

I

positif semasa perbicaraan; dan (c) responden gagal membuktikan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

Diputuskan, membenarkan rayuan pendakwaan dan memerintahkan reponden memasuki bon berkelakuan baik dengan jaminan RM5,000 dan dua orang penjamin untuk tempoh tiga tahun:

(1) Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan dan keterangan membela diri responden, mahkamah berpuas hati bahawa dapatan hakim mahkamah sesyen adalah terkhilaf. Keterangan SP1 adalah konsisten dengan laporan polisnya bahawa beliau dan Kpl Vijay telah membuat pemeriksaan terhadap responden. Mahkamah tidak bersetuju dangan hujahan pihak pembelaan bahawa keterangan SP1 banyak percanggahan material dan keterangannya telah menimbulkan keraguan munasabah. Keterangan SP1 adalah jelas dan tiada percanggahan (lihat perenggan 16–18).

(2) Walaupun Kpl Vijay tidak dipanggil memberi keterangan, namun Kpl Vijay telah dipanggil untuk dicamkan secara positif oleh SP1. Inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah tidak terpakai dalam keadaan sedemikian (lihat perenggan 19).

(3) Keterangan pembelaan mengenai Vela tanpa apa-apa keterangan sokongan membuatkan mahkamah mendapati responden gagal menimbulkan suatu keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Setelah meneliti keterangan semua saksi, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen yang diperlukan oleh undang-undang dalam pertuduhan terhadap responden tanpa keraguan munasabah (lihat perenggan 20–21).

(4) Berkenaan dengan hukuman, mengambil kira faktor bahawa tiada apa-apa bukti yang dikemukakan kepada mahkamah bahawa kedua-dua pisau yang dijumpai dalam milikan responden digunakan bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang, mahkamah memutuskan bahawa adalah sesuai untuk mahkamah mengguna pakai peruntukan s 294 Kanun Tatacara Jenayah terhadap responden (lihat perenggan 31).

[English summary

The respondent was charged under s 61(1) of the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958 ('the Act') for possession of offensive weapons ie two knives. The respondent was originally acquitted and discharged from the charge at the end of the prosecution's case. However, after allowing the prosecution's appeal, the High Court directed the respondent to be called upon to defend himself. At the end of the defence case, the sessions court trial judge had acquitted and discharged the respondent. At the date and time of the incident, the respondent alleged by the prosecution as the driver of the vehicle Subaru WVH 82, was involved in a road accident that crashed at the

scene as stated in the charge. Cpl Nasir ('SP1') saw the respondent was injured and SP1 was given the respondent's identification card. After checking the PDRM crime registration, SP1 was informed that the respondent was required by police in relation of a police report No Klang 1257/15. Inspections were made on the vehicle and the body of the respondent and the case exhibits were ie the two knife. The prosecution made an appeal against the decision of the sessions court judge who had acquitted and discharged the respondent on the grounds that: (a) there was no conflicting and inconsistent evidence of SP1; (b) the inferences under s 114(g) of the Evidence Act 1950 shall not apply as the prosecution witness, Cpl Vijay had been positively identified during the trial; and (c) the respondent had failed to prove reasonable doubt on the prosecution's case.

Held, allowing the prosecution's appeal and ordering the respondent to enter a good behavior bond with a guarantee of RM5,000 and two guarantors for a period of three years:

(1) Upon scrutinising the evidence of the prosecution witnesses and the respondent's defence, the court was satisfied that the finding of the sessions court judge was erroneous. The SP1's evidence was consistent with his police report that he and Cpl Vijay had search the respondent. The court disagreed with the defence's argument that the evidence of SP1 had many material contradictions and his evidence raised a reasonable doubt. The SP1's evidence was clear and there was no discrepancy (see paras 16–18).

(2) Although Cpl Vijay was not called to testify, but Cpl Vijay Kpl was called to be positively identified by SP1. The inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 was not applicable in such circumstances (see para 19).

(3) The defence evidence of Vela without any supporting evidence made the court finding the respondent had failed to raise a reasonable doubt against the prosecution's case. Upon scrutinising the evidence of all witnesses, the court was satisfied that the prosecution had succeeded in proving the element required by law in the charge against respondent without reasonable doubt (see paras 20–21).

(4) In respect of the sentence, taking into account the fact that no evidence was submitted to the court that the two knives found in the respondent's possession wee used for any unlawful purpose, the court decided that it was appropriate for the court to apply the provision of s 294 of the Criminal Procedure Code against respondent (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 470–506.

A Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

B *Chitharthan Kumar a/l Jayakumar v Pendakwa Raya* [2016] MLJU 560; [2016] 7 CLJ 401, MT (dirujuk)
Mohamad Jamel Muhafiz bin Zamri v PP [2018] MLJU 480; [2018] 8 CLJ 209, MT (diikut)
Mohamad Khairul Azrin bin Khairi lwn Pendakwa Raya Rayuan Jenayah No A-09–214–07 Tahun 2017 (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)
C *PP v Asri Che Din* [2018] 1 LNS 1224, MT (dirujuk)
PP v Faziul Abdullah [2018] 1 LNS 889, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

D Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 s 6(1)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Tatacara Jenayah s 294

How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Perak) bagi pihak perayu.
E *V Santhiran (Charanjit, V Santhiran & Partners) bagi pihak responden.*

Mohd Radzi PK:

F LATAR BELAKANG

[1] Responden telah dituduh di bawah s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('Akta BKLSB 1958') kerana memiliki senjata berbahaya, iaitu dua bilah pisau. Responden asalnya telah dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan di akhir kes pendakwaan. Namun, setelah membenarkan rayuan pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi telah mengarahkan responden dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') telah melepas dan membebaskan responden. Pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan
H HMS tersebut.

[2] Mahkamah ini telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan. Setelah mengambil kira segala faktor, termasuk rayuan mitigasi oleh responden, mahkamah ini memutuskan bahawa hukuman yang wajar kepada responden
I adalah melalui perintah untuk responden memasuki suatu ikatan bon berkelakuan baik di bawah s 294 Kanun Tatacara Jenayah dengan jaminan RM5,000 dan dua orang penjamin, untuk tempoh selama tiga tahun. Sekiranya responden melanggar syarat bon berkelakuan baik, responden hendaklah membayar RM5,000 kepada mahkamah.

[3] Notis rayuan yang difailkan oleh pihak pendakwaan menyatakan: **A**

> ADALAH DIBERI NOTIS bahawa Pendakwa Raya Malaysia, merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Dato' Mohd. Radzi bin Harun yang diberikan di Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak pada 29 Januari 2019 dimana Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman telah mengubah keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang melepaskan dan membebaskan tertuduh di akhir pembelaan dan menggantikannya dengan sabitan dan menjatuhkan ikatan bon berkelakuan baik di bawah seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah bagi satu kesalahan di bawah ... **B**

C

[4] Saya dapati notis rayuan yang berbunyi seperti di atas membawa maksud pihak pendakwa raya tidak berpuas hati terhadap keseluruhan keputusan saya, iaitu sabitan dan hukuman. Jika demikian niat pihak pendakwa raya, maka tentunya pihak pendakwa raya terkhilaf semasa memfailkan notis rayuan ini kerana sabitan yang diputuskan oleh mahkamah ini adalah berpihak kepada pihak pendakwa raya ekoran rayuan yang dibuat olehnya terhadap keputusan pelepasan dan pembebasan oleh hakim mahkamah sesyen di akhir kes pembelaan. **D**

[5] Apapun jua, saya menyediakan alasan penghakiman ini atas andaian bahawa pihak pendakwa raya sebenarnya hanya merayu mengenai hukuman yang saya putuskan, kerana tentunya itulah yang lebih munasabah. **E**

FAKTA

F

[6] Pada tarikh dan waktu kejadian, responden yang dikatakan oleh pihak pendakwaan sebagai pemandu motokar Subaru WVH 82, telah terlibat dalam kemalangan jalanraya dengan terbabas di tempat kejadian yang disebutkan dalam pertuduhan. Anggota polis yang datang untuk menyiasat ialah Kpl Nasir ('SP1') dan Kpl Vijay. Menurut keterangan SP1, beliau nampak responden dalam keadaan tercedera dalam kenderaan itu. SP1 lalu diberikan kad pengenalan responden. Setelah membuat semakan dengan pihak pendaftaran jenayah PDRM, SP1 dimaklumkan bahawa responden dikehendaki polis berkait suatu laporan polis No Klang 1257/15. Pemeriksaan dibuat terhadap kenderaan dan badan responden dan dijumpai barang-barang kes. responden dituduh di bawah s 6(1) Akta BKLSB 1958 kerana memiliki senjata berbahaya, iaitu dua bilah pisau, pada jam 11.15 malam, pada tarikh 19 Mac 2016. **G** **H**

I

[7] HMS asalnya telah melepas dan membebaskan responden di akhir kes pendakwaan. Tetapi setelah rayuan pihak pendakwaan dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi, responden telah dipanggil membela diri atas pertuduhan.

KEPUTUSAN HMS

[8] Susulan arahan Mahkamah Tinggi tersebut, perbicaraan terhadap responden diteruskan semula dan di akhir kes pembelaan, HMS memutuskan responden dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

[9] Diperhatikan dari alasan penghakiman HMS, alasan utama beliau membuat perintah sedemikian adalah:

(a) keterangan SP1 menunjukkan hanya Kpl Vijay yang membuat pemeriksaan beg sandang yang dijumpai pada badan responden yang di dalamnya mengandungi dua bilah pisau yang terbabit dalam pertuduhan;

(b) kegagalan pihak pendakwaan memanggil Kpl Vijay memberi keterangan telah mewujudkan 'adverse inference' menurut s 114(g) Akta Keterangan 1950 bahawa sekiranya Kpl Vijay memberi keterangan, ia akan memberi keterangan yang tidak akan berpihak kepada pendakwaan;

(c) HMS merumuskan bahawa 'selaku orang yang menjumpai pisau tersebut, hanya dia (Kpl Vijay) yang boleh mengesahkan kedudukan pisau tersebut semasa dijumpai. Kegagalan pihak pendakwaan memanggi saksi ini menyebabkan pihak pembelaan tidak dapat menyoal balas saksi untuk mengesahkan keterangannya';

(d) mengguna pakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Chitharthan Kumar a/l Jayakumar v Pendakwa Raya* [2016] MLJU 560; [2016] 7 CLJ 401, yang juga dirujuk dalam hujahan peguam responden, HMS memutuskan dalam ketiadaan keterangan dari pihak yang menjumpai senjata berbahaya tersebut, tiada keterangan yang mengaitkan beg berkenaan dengan responden. Oleh itu, tiada keterangan bahawa kesalahan yang dipertuduhkan terhadap responden dibuktikan oleh pihak pendakwaan; dan

(e) keterangan yang diberikan oleh responden mengenai keadaan sekeliling pada waktu kejadian, di mana terdapat ramai orang selepas kemalangan berlaku, bukanlah suatu 'afterthought' di pihak pembelaan. Menurut HMS, ini menimbulkan keraguan yang berpihak kepada responden bahawa terdapat kemungkinan beg yang mengandungi pisau-pisau tersebut ditinggalkan oleh orang lain dan bukannya milik responden.

DAPATAN MAHKAMAH INI

[10] Mahkamah ini telah merujuk keterangan semua saksi pendakwaan dan responden dalam nota keterangan, dengan memfokus kepada keterangan SP1 dan responden.

[11] Keterangan SP1 dalam pemeriksaan utamanya adalah seperti berikut: **A**

> Kita (SP1 dan Kpl Vijay) hampiri dia (OKT) dan cuba beritahu dia bahawa dia 'wanted' untuk kes di atas (Klang Report No 1257/15). Selepas maklum kepada dia, saya buat pemeriksaan kepada dia. Padanya ada 1 beg sandang yang dia sedang pegang. Pemeriksaan pada beg sandang tersebut menjumpai beberapa senjata iaitu pisau lipat dan pisau bersarung. ... Selepas jumpai senjata, saya buat tangkapan dan gari tangan. ... Beg sandang berada dengan suspek, di sisinya semasa dalam perjalanan ke BP Bidor. Apabila sampai di Balai Polis Bidor, saya tandakan barang kes dengan disaksikan oleh suspek dan Kpl Vijay. Saya tandakan N1 pada pisau lipat, saya tandakan N2 pada pisau bersarung. Saya tandakan beg sandang sebagai N. ... **B** **C**

[12] Kpl Vijay telah dipanggil untuk dicamkan oleh SP1 semasa SP1 beri keterangan.

D

[13] Keterangan SP1 di atas adalah konsisten dengan laporan polisnya No Tapah/000758/16 bertarikh 20 Mac 2016.

[14] Semasa di soal balas, SP1 tidak setuju dengan cadangan yang dibuat oleh peguam responden bahawa dia tidak buat rampasan apa-apa beg semasa dia jumpa responden di tempat kejadian kerana responden tidak pegang apa-apa beg pada waktu itu. Beliau juga tidak bersetuju dengan cadangan peguam responden bahawa pisau lipat (eksh P6A) dan pisau bersarung (eksh P6B) bukan dirampas dari responden. **E**

F

[15] Semasa memberi keterangan membela dirinya, responden menyatakan dalam pemeriksaan utama melalui penyata saksinya (eksh D9) bahawa pada masa kejadian, dia bersama-sama seorang lagi bernama Vela, kenalannya. Menurut responden Vela yang memandu kenderaan Subaru WVH 82 yang terlibat dalam kemalangan. Identiti Vela, menurut responden, ada dimaklumkan kepada polis semasa beliau disoal siasat. Menurutnya, selepas kemalangan berlaku Vela telah meninggalkannya sendirian untuk pergi mendapatkan bantuan. Menurut responden, Kpl Vijay seorang yang membuat pemeriksaan ke atasnya dan tidak jumpai apa-apa. Responden memberi keterangan bahawa dia dibiarkan di tempat kemalangan sendirian selama hampir satu jam, kerana pada waktu itu kedua-dua SP1 dan Kpl Vijay sibuk mengawal lalu lintas. Responden juga memberi keterangan bahawa dia diminta oleh polis untuk tandatangan satu borang kosong, yang dicamkan sebagai senarai pemeriksaan (eksh P2). Responden menafikan beg, dan senjata dijumpai atau dirampas darinya atau kepunyaannya. Semasa menjawab soalan pemeriksaan balas peguambelanya, responden memberi keterangan bahawa selepas kejadian beliau tidak lagi jumpa Vela. **G** **H** **I**

[16] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dan

keterangan membela diri responden, mahkamah ini berpuas hati bahawa dapatan HMS adalah terkhilaf.

[17] Adalah dapatan mahkamah ini bahawa keterangan SP1 adalah konsisten dengan laporan polisnya bahawa beliau dan Kpl Vijay kedua-duanya membuat pemeriksaan terhadap responden. Adalah dapatan mahkamah ini bahawa SP1 tidak menyatakan Kpl Vijay seorang sahaja yang membuat pemeriksaan tersebut, seperti disebut dalam alasan penghakiman HMS dan seperti dihujahkan oleh peguam responden.

[18] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa keterangan SP1 banyak percanggahan material dan keterangannya telah menimbulkan keraguan munasabah. Adalah dapatan mahkamah ini bahawa keterangan SP1 jelas dan tiada percanggahan, termasuk dengan laporan polisnya, mengenai bagaimana beliau dan Kpl Vijay sampai ke tempat kejadian, menyemak maklumat diri responden dengan rekod jenayah PDRM, dan bagaimana beliau dan Kpl Vijay sama-sama terlibat membuat pemeriksaan terhadap responden lalu menjumpai beg pada badan responden yang mengandungi eksh P6A dan eksh P6B.

[19] Walaupun Kpl Vijay tidak dipanggil memberi keterangan, namun Kpl Vijay telah dipanggil untuk dicamkan secara positif oleh SP1. Maka adalah dapatan mahkamah ini bahawa inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai dalam keadaan sedemikian.

[20] Mengenai identiti Vela, mahkamah ini telah teliti hujahan peguam responden bahawa pembelaan telahpun membangkitkan mengenai Vela semasa pemeriksaan balas terhadap SP3 dan perihal responden telah menyatakan mengenai Vela kepada polis semasa siasatan dijalankan namun tidak disangkal oleh saksi pendakwaan. Adalah juga dapatan mahkamah ini bahawa keterangan pembelaan mengenai Vela tanpa sebarang keterangan sokongan membuatkan mahkamah ini mendapati responden gagal menimbulkan suatu keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan, terutamanya mengenai kewujudan individu bernama Vela serta perihal eksh P6A dan eksh P6B yang dijumpai dalam milikan responden.

[21] Setelah meneliti semula keterangan semua saksi, mahkamah ini berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen yang diperlukan oleh undang-undang dalam pertuduhan terhadap responden, tanpa keraguan munasabah.

[22] Maka, mahkamah ini membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan responden disabitkan dengan pertuduhan di bawah s 6(1) Akta BKLSB 1958.

RAYUAN MITIGASI

[23] Peguam responden ketika mengemukakan rayuan mitigasi menyatakan perkara-perkara berikut untuk diambil kira oleh mahkamah dalam menjatuhkan hukuman:

(a) responden berumur 36 tahun, telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak berumur 4, 11, 12 tahun. Sebelum ini beliau bekerja di syarikat pengangkutan;

(b) walaupun di bawah s 6(1) Akta BKLSB 1958 ini terdapat hukuman mandatori minima lima tahun penjara, namun Mahkamah Rayuan dalam dua kes yang diputuskan pada tahun 2018 telah mengubah keputusan penjara kepada perintah ikatan bon berkelakuan baik di bawah s 294 Kanun Tatacara Jenayah seperti berikut:

(i) kes pertama ialah *Mohamad Khairul Azrin bin Khairi lwn Pendakwa Raya* (Mahkamah Rayuan (Bidangkuasa Rayuan) Rayuan Jenayah No A-09–214–07 Tahun 2017) pada 9 Januari 2018 dimana Mahkamah Rayuan telah menggantikan hukuman penjara lima tahun yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Taiping kepada ikatan bon berkelakuan baik dengan jaminan RM5,000 dan dua orang penjamin untuk selama dua tahun; dan

(ii) kes kedua adalah keputusan Mahkamah Rayuan pada 12 November 2018 dalam kes *Asri Che Din v Public Prosecutor* yang belum dilaporkan dalam Jurnal Undang-Undang tetapi dilaporkan dalam media. Peguam responden mengemukakan kepada mahkamah ini sesalinan laporan Free Malaysia Today bertarikh 13 November 2018 yang melaporkan Mahkamah Rayuan telah mengubah hukuman lima tahun penjara yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam kepada ikatan bon berkelakuan baik di bawah s 294 Kanun Tatacara Jenayah (kes di peringkat Mahkamah Tinggi adalah *Public Prosecutor v Asri Che Din* [2018] 1 LNS 1224).

[24] Peguam responden telah meminta mahkamah mengambil kira fakta bahawa walaupun kedua-dua anggota polis yang terlibat memeriksa responden di tempat kejadian telah membiarkan responden berada di tepi jalan bersama barang kes selama satu jam, responden tidak lari dari tempat kejadian dan tidak gunakan pisau yang ada berdekatannya pada waktu itu.

[25] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau mengakui keputusan Mahkamah Rayuan dalam kedua-dua kes yang disebutkan oleh peguam responden yang menyatakan s 294 Kanun Tatacara Jenayah terpakai bagi kes di bawah s 6(1) Akta BKLSB

1958. Namun, keputusan dasar pihak pendakwa raya ialah tidak bersetuju bahawa s 294 Kanun Tatacara Jenayah wajar diguna pakai bagi pertuduhan di bawah s 6(1) ini.

[26] Pihak pendakwa raya juga memohon mahkamah mengambil kira faktor bahawa terdapat dua bilah pisau yang dirampas dari responden semasa kejadian. Selain itu, mahkamah juga diminta untuk mengambil kira bahawa semasa hukuman di bawah s 6(1) Akta BKLSB 1958 ini dipinda, Parlimen telah menyatakan tujuan pindaan untuk kawal kes melibatkan senjata berbahaya kepada awam yang semakin berleluasa di Malaysia.

KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAI HUKUMAN

[27] Peruntukkan baru dan lama dalam s 6(1) Akta BKLSB 1958 ini masih menggunakan perkataan-perkataan 'be liable to imprisonment' seperti yang ditunjukkan di bawah:

SEBELUM PINDAAN

Section 6 Carrying offensive weapons in public places.

(1) Any person who in any public road or place carries or has in his possession or under his control any offensive weapon otherwise than with lawful authority or for a lawful purpose shall be guilty of an offence and on conviction be liable to imprisonment for a term not exceeding two years, and to whipping.

SELEPAS PINDAAN

6 Carrying offensive weapons in public places

1 Any person who in any public road or place carries or has in his possession or under his control any offensive weapon otherwise than with lawful authority or for a lawful purpose shall be guilty of an offence and on conviction be liable to imprisonment for a term of not less than five years and not more than ten years, and to whipping.

[28] Dalam kes *Public Prosecutor v Faziul Abdullah* [2018] 1 LNS 889, OKT dihadapkan dengan pertuduhan di bawah peruntukan sama bagi kesalahan memiliki satu spanar bentuk T, dua batang besi yang diikat bersama palam pencucuh (*spark plugs*) yang dipercayai digunakan oleh OKT untuk kesalahan jenayah pecah cermin kereta. Mahkamah Tinggi telah mengubah hukuman denda yang dijatuhkan oleh majistret kepada hukuman bon berkelakuan baik dengan satu jaminan berjumlah RM5,000 menurut peruntukan s 294 KTJ.

[29] Dalam kes *Mohamad Jamel Muhafiz bin Zamri v Public Prosecutor* [2018] MLJU 480; [2018] 8 CLJ 209, YA Ahmad Bache H memutuskan

seperti berikut:

> [12] The amended provision, is worded 'shall be liable', similar to the previous provision. The terms 'shall be punished' and 'be liable to be punished' were subjected to much judicial discussions (see *Public Prosecutor v Wahab* [1964] 1 MLJ 265; [1964] 1 LNS 150; *Jayanathan v Public Prosecutor* [1973] 2 MLJ 68; [1973] 1 LNS 56; *Mahrus v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 561; [1991] 1 LNS 45; *Goh Kheng Seong v Public Prosecutor* [1993] 1 MLJ 103; [1992] 4 CLJ 2133; [1992] 2 CLJ Rep 408; *Public Prosecutor v Man bin Ismail* [1939] 1 MLJ 207; [1938] 1 LNS 54; *Public Prosecutor v Nordin bin Yusmadi* [1996] MLJU 184; [1996] 2 CLJ 90; *Public Prosecutor v Leonard Glenn Francis* [1989] 2 MLJ 158; [1989] 1 CLJ 972; [1989] 2 CLJ Rep 320).
>
> [13] However, the Court of Appeal in the case of *Public Prosecutor v Hassan Ali* (unreported) had decided that the amended provision carries a meaning of mandatory five years minimum imprisonment with a maximum of ten years imprisonment.
>
> [14] That begs the next question as to whether by virtue of the amended provision, can a bound over or bond of good behaviour under s 294 of the Criminal Procedure Code be imposed?
>
> [15] This court had occasion to analyse on this matter in the case of *Kamarusham bin Zakaria v Public Prosecutor* [2017] MLJU 1208; [2018] 2 CLJ 328 where this court had referred to the *Hansard* and said at pp 333–334. At p 81 of the Hansard dated 10 April 2014 it is stated:
>
> > Pertama, Yang Berhormat menyebut persoalan hukuman yang kita letak di sini sebagai mempunyai minimum sentence dan tidak boleh dihukum kurang daripada itu dan maksimumnya memang kita tahu. Semua yang mempunyai latihan sebagai peguam Yang Berhormat, bila melihat perkara ini berlaku kita berasa bimbang kerana tidak ada memberi laluan budi bicara kepada pihak hakim semasa menjalankan kes itu di mahkamah. Akan tetapi biarlah saya mula dengan sedikit mukadimah.
> >
> > Sebenarnya walaupun dalam undang-undang ini mengatakan bahawa minimum sentence itu berapa tahun dan maksimumnya berapa tahun. *Maknanya kalau dia didapati bersalah di bawah undang-undang ini, hukuman yang bakal hakim beri kepada dia ialah minimum* tetapi dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, kuasa mahkamah dalam mengenakan hukuman kepada pesalah, dalam sudut lain tidak pernah diambil. *Umpamanya di bawah* seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah *yang mana mahkamah boleh memberi bon berkelakuan baik, sama tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah.*
>
> Hence, it is patently clear that the intention of the Parliament is to enable a person convicted under this provision to be permitted to be released on bond for good behavior, according to the satisfaction of the court. This was also affirmed in the case of *Public Prosecutor v Hassan Ali*, where the Court of Appeal had affirmed the order of bound over under s 294 CPC handed down by the High Court.

[30] Saya bersetuju untuk mengguna pakai prinsip yang diputuskan oleh

Ahmad Bache H dalam kes *Mohamad Jamel Muhafiz Zamri*, sejajar dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Hassan Ali* dan juga dua keputusan terkini Mahkamah Rayuan dalam kes *Muhamad Khairul Azrin bin Khairi* dan *Asri Che Din* iaitu walaupun hukuman penjara minima lima tahun yang dinyatakan dalam s 6(1) Akta BKLSB 1958 adalah mandatori, dalam keadaan bersesuaian, s 294 Kanun Tatacara Jenayah boleh diguna pakai.

[31] Setelah mengambil kira segala faktor, saya memutuskan adalah sesuai untuk mahkamah ini menggunapakai peruntukan s 294 KTJ terhadap kes responden terutamanya memgambil kira faktor bahawa tiada sebarang bukti yang dikemukakan kepada mahkamah bahawa kedua-dua pisau yang dijumpai dalam milikannya digunakan bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

[32] Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman kepada responden melalui satu ikatan bon berkelakuan baik di bawah s 294 Kanun Tatacara Jenayah dengan jaminan RM5,000 dan dua orang penjamin untuk selama tiga tahun. Sekiranya responden melanggar syarat bon berkelakuan baik, responden hendaklah membayar RM5,000 kepada mahkamah.

Rayuan pendakwaan dibenarkan dan responden diperintahkan memasuki bon berkelakuan baik dengan jaminan RM5,000 dengan dua orang penjamin untuk tempoh tiga tahun.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar